

Mahathir

UM 15 FEB 1988

jamin

atasi masalah

Oleh
Badrul Hisham Aziz

KUALA LUMPUR 14 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini menegaskan bahawa pucuk pimpinan akan menggunakan apa cara sekalipun untuk mengatasi masalah pengharaman UMNO.

Beliau tidak menyebut apakah cara yang akan diambil, tetapi berkata: "Hanya undang - undang Tuhan yang tidak boleh

dipinda. Undang - undang manusia tidak ada yang tidak boleh dipinda."

"Kita akan jalankan tugas kita hingga mencapai kejayaan," ujar Perdana Menteri dan disambut dengan tepukan bergemuruh dalam perhimpunan khas penyokong - penyokong kerajaan di Bangunan Parlimen di sini.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, pucuk pimpinan mempunyai cara dan strategi tersendiri bagaimana hendak mengatasi masalah yang dihadapi oleh UMNO.

Bagaimanapun katanya: "Kalaupun kita tidak isytiharkan apa yang kita buat, tahu sahajalah apa sebabnya, tetapi kita akan jalankan tugas hingga mencapai kejayaan."

Menurutnya, pucuk pimpinan tidak mendiamkan diri, cuma bezanya dengan pihak lain ialah: "Kita tidak pukul canang ke sana ke mari memberitahu apa yang dibuat.

"Kononnya kita diam diri dalam UMNO. Itulah sebabnya ada orang yang terus melompat membuat sesuatu. Itu bukan cara kita," jelasnya. Ketika dikerumuni oleh para pemberita kemudiannya untuk mengetahui apa yang beliau maksudkan sebagai 'strategi,' Perdana Menteri memberitahu: "Saya tidak akan menjelaskannya di khalayak ramai. Seperti yang saya katakan, saya tidak akan memberitahu dunia mengenainya. Apa yang saya nak buat, saya akan buat.

LIHAT MUKA 6

UMNO

PM JAMIN ATASI MASALAH UMNO

15 FEB 1988

"Saya rasa anda semua tahu erti strategi. Jika dalam pasukan tentera, apabila strategi itu diberitahu pada umum, maka ia bukan lagi satu strategi."

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga meminta setiap pihak bertenang dan berharap mereka memberikan kepercayaan kepada Kerajaan Pusat dan negeri untuk menyelesaikan masalah UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menarik perhatian bahawa beliau tidak kesal sekiranya kedudukannya terjejas ekoran pengharaman UMNO, tetapi khuatir sekiranya ia dianggap oleh dunia luar sebagai suatu kelemahan kerajaan.

"Kita tidak boleh membatalkan keputusan mahkamah, tetapi perhimpunan petang ini menunjukkan kepada dunia bahawa negara dan kerajaan kita masih kuat," katanya.

Beliau juga mengulas dakwaan pihak-pihak tertentu kononnya ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri dipaksa menghadiri perhimpunan itu dan terus bertanya kepada yang hadir: "Adakah saudara dipaksa?"

Ahli-ahli yang hadir serentak bersorak dengan jawapan, "tidak".

Mengenai tindakan pihak yang membawa UMNO ke mahkamah, Perdana Menteri menegaskan bahawa tindakan pihak tersebut tidak akan berakhir di situ, walaupun kes UMNO itu diselesaikan kelak.

"Mereka akan terus ke bahagian dan cawangan merasuk ahli-ahli UMNO. Sekarang ini pun sudah ada usaha-usaha itu. Sekejap

mereka menyokong sekejap lagi tidak," katanya tanpa merujuk kepada siapa yang dimaksudkannya.

Beliau mempersoalkan ketaatsetiaan apakah yang dipegang oleh orang-orang berkenaan terutamanya apabila berikrar dengan disaksikan oleh Allah.

Perdana Menteri meminta setiap orang berwaspada kerana pihak berkenaan akan datang dengan berbagai cara dalam usahanya mengheret ahli-ahli UMNO untuk berpaling tadah.

Katanya, usaha itu bukan sahaja akan melemahkan parti orang Melayu dan Barisan Nasional tetapi juga menggugat kestabilan negara yang boleh menjejaskan peluang-peluang pelaburan dan aktiviti ekonomi.

Sambil meminta orang-orang Melayu supaya berhati-hati sengan segala-tindak-tanduk pihak yang cuba menghancurkan UMNO, Perdana Menteri mengingatkan bahawa pucuk pimpinan sekarang berkhidmat untuk negara, bukannya kerana hendak memegang sesuatu jawatan.

Dalam ucapan terima kasihnya kepada parti-parti komponen Barisan Nasional yang turut memberikan sokongan kepada beliau dan Encik Ghafar Baba, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berpendapat sokongan itu adalah bukti bahawa mereka tidak melihat masalah yang dihadapi itu sebagai masalah UMNO sendiri, tetapi juga masalah Barisan Nasional.

"Kestabilan UMNO adalah penting kerana ia adalah parti terbesar dalam BN. Sejak merdeka lagi, kita

memang stabil hingga dapat memimpin kerajaan dengan kerjasama rakan-rakan lain dengan sangat berkesan," katanya.

Beliau berpendapat, kestabilan UMNO sejak dahulu lagi adalah kerana ahli-ahlinya sentiasa berpegang kepada tradisi parti yang menjadi amalan.

"Selagi kita berpegang kepada tradisi, selagi itulah UMNO akan terus kukuh, malangnya walaupun sejak tahun 1981 lagi saya mengingatkan supaya tradisi ini diteruskan, nampaknya pandangan saya ditolak," ujarnya.

Menurutnya, beliau telah beberapa kali mencadangkan supaya jawatan-jawatan tertentu jangan dipertandingkan dalam perhimpunan 24 April lalu, untuk mengelakkan perpecahan.

"Malangnya, pendapat saya ini diketepikan. Kononnya saya pentingkan diri sendiri. Bila keputusan perhimpunan dibuat, mereka bawa pula ke mahkamah hingga mengganggu-gugat pentadbiran negara."

"Kita tidak boleh menumpu perhatian untuk usaha-usaha membangunkan negara kerana adanya duri dalam daging," katanya.

Menurut Perdana Menteri, UMNO memang berusaha tidak mahu mencari penyelesaian di mahkamah kerana mahkamah hanya membuat keputusan berdasarkan undang-undang sahaja.

"Mahkamah adalah tempat undang-undang. Soal sentimen, kasih sayang dan sebagainya tidak ada di sana, keputusannya berdasarkan kepada undang-undang," tegasnya.